

Kempen Rujuklah Kawan!

Terma & Syarat

1. Kempen Rujuklah Kawan!

- 1.1 Untuk layak menyertai program ini, pencadang mestilah merujuk keluarga atau kawan untuk mendapatkan pinjaman peribadi melalui Direct Lending.
- 1.2 Pelanggan baru mestilah memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut:
 - 1.2.1 Pelanggan baru mestilah bekerja sebagai kakitangan kerajaan
 - 1.2.2 Status pekerjaan pelanggan baru adalah tetap
 - 1.2.3 Pelanggan baru ialah orang yang tidak pernah mendapat pinjaman peribadi melalui platform Direct Lending.
- 1.3 Sekiranya terdapat pelanggan baru berjaya memperoleh pinjaman melalui Direct Lending, hanya seorang (1) pencadang yang layak untuk mendapat hadiah tunai melalui kempen ini.
- 1.4 Pencadang layak untuk mendapat ganjaran tunai apabila permohonan pinjaman peribadi pelanggan baru di bawah program ini berjaya:

Bilangan Rujukan yang berjaya	Ganjaran Tunai untuk Pencadang
Satu (1) Pelanggan baru	RM100
Dua (2) Pelanggan baru	RM200
Tiga (3) Pelanggan baru	RM500

- 1.5 Ganjaran tunai akan dikreditkan ke dalam akaun bank apabila pelanggan baru telah menerima pinjaman peribadi melalui Direct Lending.

2. Lain-lain

- 2.1 Dengan mengambil bahagian dalam Program ini, pencadang mengesahkan bahawa:
 - 2.1.1 Pencadang telah memperoleh keizinan pelanggan baru untuk mendedahkan data peribadinya seperti nama dan nombor telefon
 - 2.1.2 Direct Lending berhak untuk menghubungi pelanggan baru berkaitan dengan apa-apa maklumat melalui apa jua kaedah komunikasi.